

# Mahathir jelaskan kenapa bersalam dengan wanita

(P)  
KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu Perhimpunan Agung UMNO bahawa beliau bersalam dengan wanita untuk menghulurkan persahabatan dan tidak mahu mengecilkan hati orang lain.

Katanya, baru - baru ini, Sheikh Al-Azhar, Sheikh Ghad Al-Haq Ali Ghad Al-Haq ketika datang ke rumah beliau telah bersalaman dengan isterinya dan wanita - wanita lain yang berada di majlis makan malam di rumah.

Ditanya mengenai perbuatan itu, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Sheikh Al-Azhar tersebut telah menjelaskan bahawa tiga imam Mazhab Wal Jamaah iaitu Hanafi, Maliki dan Hambali membenarkan salaman dengan wanita.

Hanya Imam Shafie yang mazhabnya menjadi amalan umat Islam negara ini yang mengharamkan lelaki bersalaman dengan wanita, kata Perdana Menteri menerangkan penjelasan Sheikh Al-Azhar itu.

Itupun, ketika Imam Shafie yang tinggal di Baghdad pergi ke Mesir yang mengamalkan Mazhab Maliki beliau telah bersalaman dengan wanita atas dasar tidak mahu mengecilkan hati orang lain, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, perbezaan mazhab dan tafsiran ulama hendaklah diterima dan semua tafsiran itu adalah betul.

Sehubungan itu, beliau menyatakan, bahawa niat bersalaman atau bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan itu penting seperti dalam amalan kedokteran di mana bersentuhan kulit adalah atas dasar niat baik untuk menolong orang.

UM 30 SEP 1985